



ISMAIL SABRI YAAKOB bersama Abdul Aziz Ishak (empat dari kiri) dan Mohd. Noordin Abbas (lima dari kiri) menunjukkan wajah baharu *Utusan Malaysia* edisi Sabtu selepas pelancarannya sempena majlis Bintang-bintang Berpulis II di Bangunan Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, semalam. Turut bersama, Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali (enam dari kanan) dan Sasterawan Negara, Datuk Zurinah Hassan (lima dari kanan). - MINGGUAN/SHAFUDIN MOHD NOR

Tampil lebih santai tetapi sarat dengan maklumat

# Wajah baharu *Utusan Malaysia* edisi Sabtu dilancar

Oleh SITI NORHAWA MOHD. ALI  
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 MEI

**M**ENTERI, sasterawan, budayawan, ahli akademik dan penggiat seni tanah air hari ini melancarkan wajah baharu *Utusan Malaysia* edisi hari Sabtu (*Utusan Malaysia* Sabtu) yang tampil lebih santai tetapi sarat maklumat.

Inovasi baharu tersebut mengetengahkan pembaharuan *masthead* yang ditukar ke warna lebih 'relaks' iaitu hijau kebiruan dan bahan utama muka depan tampil dengan Laporan Khas yang santai sifatnya.

Antara ruangan baharu dalam *Utusan Malaysia* Sabtu adalah *Business Online*, *Da'i Global* serta Cerpen dan Puisi.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau yakin wajah baharu itu mampu menjadi tarikan baharu akhbar *Utusan Malaysia* yang sudah menjangkau umur 78 tahun, terutamanya golongan muda.



KETUA Pemuda UMNO Pahang, Mohd. Shahar Abdullah (kanan) bersama sebahagian daripada remaja yang menyertai program berbasikal *Panching Fun Ride 2016* teruja menunjukkan akhbar *Utusan Malaysia* edisi Sabtu di Kuantan, Pahang, semalam.

"Pengisian yang menyeluruh untuk segenap lapisan masyarakat dan wajah baharu yang sangat menarik dan segar.

"Tahniah saya ucapkan kepada *Utusan Malaysia* yang berusaha menyelami cita rasa masyarakat seiring dengan peredaran zaman," katanya kepada *Mingguan Malaysia* dalam majlis Pelancaran Wajah

Baharu *Utusan Malaysia* Sabtu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dekat sini hari ini.

Majlis pelancaran itu disempurnakan beliau dan disaksikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak dan timbalannya, Datuk Othman Mo-

hamad.

Dalam pada itu, Sasterawan Negara, Datuk Dr. Zurinah Hassan berkata, usaha *Utusan Malaysia* mewujudkan ruangan baharu untuk cerpen dan puisi sangat dialu-alukan.

"Ini bermakna *Utusan Malaysia* melangkah satu tapak ke hadapan bersama kita untuk sama-sama memartabatkan seni warisan bangsa yang semakin dilupakan anak muda kini.

"Saya berharap lebih banyak ruang seperti ini diwujudkan dan beri peluang kepada pengkarya muda untuk menyiarkan hasil nukilan mereka untuk menyuntik semangat dan memberi inspirasi," katanya.

Sementara itu, pelakon baharu tanah air, Anis Al Idrus berkata, pilihan warna yang bijak serta isi yang ringan tetapi padat dalam *Utusan Malaysia* Sabtu akan dapat menarik lebih ramai pembaca daripada golongan muda.

"Bukan sahaja warna baharunya menarik, tetapi bahan muka depan yang digunakan membuatkan saya ingin membaca apa yang ditulis di dalam kerana kes itu pernah viral di media sosial.